

MEDIA STATEMENT

IDEAS: Ratify CPTPP in the immediate future to take advantage of investment opportunities toward post-pandemic recovery

Kuala Lumpur, 21 April 2022 - The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) calls for the ratification of the Comprehensive and Progressive Trans-Pacific Partnership (CPTPP) in the immediate future to take advantage of investment opportunities, on the back of the release of Bank Negara Malaysia's Economic and Monetary Review 2021. In addition, IDEAS urges the government to provide an update to the public on the status of its ratification, as well as the cost-benefit analysis that was commissioned and recently concluded.

According to the Economic and Monetary Review 2021 released by Bank Negara Malaysia in end-March, private investments into Malaysia are expected to grow by 5.3% year-on-year in 2022, up from 2.6% in 2021. Private investments are expected to benefit from the continued expansion in global demand and the realisation of new and ongoing investments. Of significance, investment intentions remained high as reflected in the increase in approved investments since 2021, particularly in the manufacturing sector, despite the pandemic and lockdowns introduced.

IDEAS is cautiously optimistic based on these figures that indicate investment growth, but believes that ratifying the CPTPP would help attract more quality foreign direct investment (FDI) into Malaysia, thereby helping to facilitate the country's post-pandemic recovery. The possible inclusion of economies like the UK, Taiwan, South Korea, China and even Thailand into the mega free trade zone would create more opportunities for Malaysia's private sector and bind economies closer together. Market access will be improved as more members ratify the agreement and this will boost FDI and trade activities for all partners in the medium to long term.

Ongoing efforts by the government to attract new quality investments and facilitate the implementation of projects such as the Project Acceleration and Coordination Unit (PACU) and One Stop Centre (OSC) for Business Travellers are also expected to accelerate investments into Malaysia, as should the implementation of key infrastructure projects such as the Malaysia Digital Economy Blueprint (MyDIGITAL), coupled with the incentives announced in the 2022 Budget.

While these measures will prove useful in attracting much needed FDI, Malaysia should also consider ratifying the CPTPP in the immediate future. This would help spearhead medium to long-term FDI through the setting of standards, which would open Malaysia's domestic market to foreign investors with minimum hindrance and barriers. Furthermore, the improvements in domestic governance brought about by reforms through the CPTPP commitments will help raise international investors' confidence in Malaysia as a trade partner and FDI destination.

IDEAS' research has found that ratifying and implementing the CPTPP would ultimately boost Malaysia's GDP by an additional 1.0%, as well as create new employment opportunities equivalent to 140,000 additional people in work. Thus, ratifying the CPTPP provides Malaysia a low-hanging fruit in terms of its post-pandemic recovery.

Additionally, in light of the recent US-China trade war and the COVID-19 pandemic, the ongoing shift of supply chains away from China has taken place to a certain extent. Malaysia must take advantage of this opportunity to attract more investors from within and beyond the region who are looking to diversify production away from China through trade diversification measures. The CPTPP provides the necessary mechanism for this to happen in the medium to long-term.

--- END ---

About IDEAS

The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) is a nonprofit research institute, dedicated to promoting solutions to public policy challenges, focussing on three overarching missions – advancing a competitive economy, ensuring trust in institutions and promoting an inclusive Malaysia. IDEAS is Malaysia's first independent think tank, free of personal interests and partisan influences. For more information, visit www.ideas.org.my.

For enquiries, please contact:

Zokhri Idris, Ph.D

External Relations Director

zokhri@ideas.org.my

KENYATAAN MEDIA

IDEAS: Ratifikasi CPTPP dalam masa terdekat untuk memanfaatkan peluang pelaburan ke arah pemulihan pasca pandemik

Kuala Lumpur, 21 April 2022 - Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) menyeru agar Perjanjian Perkongsian Komprehensif dan Progresif Trans-Pasifik (CPTPP) diratifikasi dalam masa terdekat agar dapat memanfaatkan peluang pelaburan, susulan penerbitan Tinjauan Ekonomi dan Monetari 2021 oleh Bank Negara Malaysia (BNM). IDEAS juga menggesa kerajaan untuk memberikan laporan terkini kepada masyarakat awam berkenaan status ratifikasi, serta analisis kos faedah yang dijalankan dan baru sahaja diselesaikan.

Berdasarkan Tinjauan Ekonomi dan Monetari 2021 yang diterbitkan oleh BNM pada penghujung bulan Mac, pelaburan swasta ke dalam Malaysia dijangka meningkat sebanyak 5.3% tahun ke tahun pada tahun 2022, meningkat daripada 2.6% pada tahun 2021. Pelaburan swasta dijangka akan mendapat manfaat daripada pengembangan berterusan permintaan global dan realisasi pelaburan baharu dan sedia ada. Potensi pelaburan kekal tinggi seperti yang ditunjukkan oleh peningkatan pelaburan yang diluluskan sejak tahun 2021, terutamanya dalam sektor pembuatan, walaupun dilanda pandemik dan perintah sekatan pergerakan diperkenalkan.

IDEAS mengambil sikap optimis namun tetap berhati-hati berdasarkan angka-angka tersebut yang menunjukkan pertumbuhan pelaburan, namun percaya bahawa ratifikasi CPTPP akan membantu menarik lebih banyak pelaburan langsung asing (FDI) berkualiti ke dalam Malaysia, lantas membantu memudahkan pemulihan pasca pandemik negara. Kemungkinan kemasukan ekonomi seperti UK, Taiwan, Korea Selatan, China malah Thailand ke dalam zon perdagangan bebas mega ini akan mencipta lebih banyak peluang kepada sektor swasta Malaysia serta menjadikan kuasa-kuasa ekonomi ini lebih rapat. Capaian pasaran akan dipertingkatkan apabila lebih banyak negara anggota meratifikasi perjanjian ini. Hal ini akan memberi rangsangan kepada FDI dan aktiviti perdagangan semua rakan kongsi dalam jangka masa sederhana dan jangka masa panjang.

Usaha berterusan oleh pihak kerajaan untuk menarik pelaburan baharu yang berkualiti dan untuk memudahkan pelaksanaan projek seperti *Project Acceleration and Coordination Unit* (PACU) dan *One Stop Centre (OSC) for Business Travellers* dijangka akan memesatkan pelaburan ke dalam Malaysia, sebagaimana pelaksanaan projek infrastruktur penting seperti Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (MyDIGITAL), ditambah dengan pelbagai insentif yang diumumkan dalam Belanjawan 2022.

Walaupun langkah-langkah ini akan memberi faedah menarik masuk FDI yang amat diperlukan, Malaysia juga perlu mempertimbangkan meratifikasi CPTPP dalam masa terdekat. Hal ini akan membantu menerajui FDI jangka masa sederhana dan jangka masa panjang melalui penetapan piawaian, langkah yang akan membuka pasaran domestik Malaysia kepada pelabur asing dengan halangan yang minimum. Malah, penambahbaikan dalam tadbir urus domestik yang dibawa oleh pembaharuan melalui komitmen CPTPP akan meningkatkan tahap keyakinan pelabur antarabangsa terhadap Malaysia sebagai rakan kongsi perdagangan dan sebuah destinasi FDI.

Kajian IDEAS mendapati bahawa meratifikasi dan melaksanakan CPTPP akan merangsang Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia dengan tambahan sebanyak 1.0% serta mencipta 140,000 peluang pekerjaan baharu. Oleh itu, meratifikasi CPTPP merupakan perkara yang perlu didahulukan oleh Malaysia dalam usaha pemulihan pasca pandemik.

Sebagai tambahan, disebabkan oleh perang perdagangan antara Amerika Syarikat dan China baru-baru ini dan pandemik Covid-19, peralihan rantai bekalan keluar dari China telah mencapai tahap tertentu. Malaysia harus mengambil peluang ini untuk menarik lebih banyak pelabur dalam dan luar rantau yang ingin mempelbagaikan pengeluaran selain di China melalui langkah-langkah mempelbagaikan perdagangan. CPTPP memberikan mekanisme yang diperlukan Malaysia untuk merebut peluang ini dalam jangka masa sederhana dan jangka masa panjang.

--- TAMAT ---

Tentang IDEAS

Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) merupakan sebuah institut penyelidikan bukan berasaskan keuntungan, mengkhususkan kepada mempromosikan penyelesaian terhadap cabaran dasar awam, menumpukan kepada tiga misi menyeluruh - memajukan sebuah ekonomi yang kompetitif, memastikan keyakinan dalam institusi, dan mempromosikan sebuah negara Malaysia yang merangkumi semua. IDEAS merupakan badan pemikir bebas pertama Malaysia, tanpa kepentingan peribadi serta pengaruh berpihak. Untuk maklumat lanjut, lawati www.ideas.org.my.

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Zokhri Idris, Ph.D

Pengarah Perhubungan Luar

zokhri@ideas.org.my